



MTAB perlu masa bangunkan

B/H. 7/1/2011 MS 2H.

Agensi kerajaan berkaitan bertindak sebagai pelaksana dasar, program pasti

SETAKAT mana kemajuan dalam Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) yang diumumkan Datuk Seri Najib Razak, ketika Perhimpunan Agung UMNO, Oktober lalu? Difahamkan sudah ada siri mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri dan majlis itu turut dianggotai menteri kanan serta tokoh korporat Melayu yang akan memberi input sesuai untuk menggerakkan MTAB.

Pada masa sama, orang Melayu mahu melihat di mana kedudukan mereka dalam pelbagai program Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) termasuk Kuala Lumpur Raya (Greater Kuala Lumpur). Ada yang bertanya di mana kedudukan peniaga kecil dan usahawan Melayu serta peranan syarikat Bumiputera dalam program berkenaan. Di sini, mereka mahu MTAB mengambil peranan lebih penting untuk memastikan Melayu adalah antara pemain pakej pembangunan ekonomi negara pada masa akan datang.

Ditanya mengenai perkara itu, Pengerusi Biro Ekonomi UMNO, Datuk Dr Awang Adek Hussin, yakin kerajaan akan memastikan pembangunan negara khususnya pembangunan Kuala Lumpur tidak akan menyetepikan agenda Bumiputera yang menjadi sebahagian dan sebatian dengan agenda pembangunan negara.

“Jadi jelas seperti yang diumumkan oleh Presiden UMNO itu ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO lalu, dan juga dalam banyak kenyataan yang dibuat, hatta dalam perasmian majlis MCA di mana beliau menyatakan dengan jelas bahawa negara yang tidak memberi tempat yang



KOMPONEN kemelayuan dalam pembangunan Kuala Lumpur Raya perlu dikekalkan.

sesuai dari segi penguasaan ekonomi kepada golongan majoriti akan mewujudkan suasana yang tidak stabil dalam negara itu. Ini jelas dan disampaikan oleh beliau. Jadi, memang agenda ini akan ada. Saya rasa dengan penubuhan MTAB umpamanya akan memastikan agenda Bumiputera tidak akan tersisih.

“Cuma rupa dan bentuk (MTAB) ini yang dinanti-nantikan oleh rakyat terutama golongan Bumiputera. Jadi saya rasa agak awal sedikit untuk melihat bentuk dan rupa pelaksanaan dan penyertaan Bumiputera ini,” katanya.

Dr Awang berkata, banyak projek besar NKEA pun belum lagi berjalan. Banyak di tahap perancangan, pengumuman dasar dan program tetapi belum lagi dilaksanakan.

“Jadi, saya lihat ini semua jangan kita terlalu bimbang kerana dari segi dasar serta komitmen kerajaan dan komitmen Perdana Menteri itu jelas.

“Jadi kita bagi ruang dan masa sedikit, kita lihat yang mana mungkin bagi masa beberapa bulan, dan saya rasa ini akan lebih terserlah lebih terpancar,” katanya ketika ditemui.

Beliau yakin dengan semua itu kerana dasarnya jelas.

“Penubuhan MTAB ini sendiri pun jelas. Komitmen Perdana Menteri pun jelas. Dan kenyataan di mana-mana oleh beliau dan timbalannya bahawa golongan Bumiputera tidak akan diabaikan,” katanya.

Katanya, MTAB akan bertindak untuk merancang, menyelaras serta memantau agenda Bumiputera.

“Jadi ini satu yang cukup penting bagi saya dan inilah yang disuarakan oleh Perhimpunan Agung UMNO dan ini diambil tindakan bahkan lebih awal oleh Perdana Menteri. Apabila perkara ini diumumkan pada Perhimpunan Agung UMNO, jadi semua orang menyuarakan pendapat dan sokongan

mereka serta mahu melihat MTAB dilaksanakan secepat dan sebaik mungkin.

Dr Awang berkata, MTAB sudah mengadakan dua mesyuarat baru-bau ini.


Beliau menyifatkan, ia badan yang begitu penting apabila dipengerusikan sendiri oleh Najib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku timbalan pengerusi. Menteri kanan dan wakil swasta yang penting untuk memainkan peranan melaksanakan agenda Bumiputera turut berada dalam badan itu.

“Jadi dengan adanya jawatankuasa ini dan adanya urus setia yang dibentuk maka urus setia itu pun mempunyai peranan besar yang boleh melakukan kegiatan susulan seperti mewujudkan makmal jika perlu dan sebagainya bagaimana untuk memajukan Bumiputera. Jadi, ini semua akan dihasilkan,” katanya.

Ditanya sama ada MTAB turut melihat kepentingan membela usahawan dan peniaga kecil, beliau berkata: “Ya, kita kena tengok semua. Yang kecil pun ada peranan, yang besar pun ada pentingnya. Korporat yang besar pun perlu juga sebab untuk menggerakkan penguasaan ekonomi, yang besar ini pun kena ada. Yang kecil ini juga menyediakan peluang pekerjaan yang banyak... ini pun kena ada. Jadi semua ini kena dipantau, diperhalus dan saya rasa MTAB akan memainkan peranan.”

Mengenai makmal untuk meneliti soal usahawan dan peniaga kecil Bumiputera, Dr Awang menyifatkan perkara itu tidak mustahil.

“Tidak mustahil akan diadakan makmal atau pendekatan seperti yang dilaksanakan untuk NKEA dan program transformasi ekonomi. Kita tahu pendekatan makmal ini adalah satu pendekatan yang agak bagus. Jadi yang mana kita hendak menyelesaikan masalah besar, kalau perlu ada makmal maka



AGENSI korporat perlu memainkan peranan untuk

kita buatlah. Saya menyokong sepenuhnya,” katanya.

Ditanya bagaimana hendak menggerakkan agensi berkaitan seperti UDA, Amanah Hartanah Bumiputera dan lain-lain dalam skop penyertaan Bumiputera dalam Kuala Lumpur Raya, beliau berkata sesetengah agensi yang memainkan peranan untuk pembangunan ekonomi Bumiputera akan dibabitkan secara langsung di barisan hadapan.


“Kerana itulah UDA dan PNB mesti ada agenda Bumiputera yang mesti disorotkan bersama,” katanya.

Justeru, katanya tidak akan ada golongan yang terabai dalam program Kuala Lumpur Raya.

“Tidak ada yang terabai. Cuma bagi ruang dan masa,” katanya sambil membayangkan

ekonomi Bumiputera

kan penyertaan menyeluruh Melayu



India. Dalam hal ini, yang paling penting ialah asimilasi sosial di mana kita tidak mahu mewujudkan pluralisme dalam kemajmukan masyarakat di Malaysia.

"Identiti itu bukan satu segmentasi kumpulan etnik, tetapi itu adalah satu elemen daya tarikan kerana kita harus menghormati budaya setiap kumpulan etnik itu. Maka tidak mustahil kalau ada Melayu yang tinggal di apartmen di Brickfield. Begitu kalau ada orang India atau Melayu duduk di Jalan Petaling.

"Kita tahu bahawa banyak di kawasan Melayu di Kampung Baru terutama peniaga Cina berniaga di sekitar Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Muda. Oleh kerana keterbukaan Melayu ini, saya tidak fikir unsur keunikan bangsa di negara harus menjadi satu polemik. Saya fikir di bawah kepemimpinan Datuk Seri Najib, unsur ini sudah diambil kira sebagai komponen penting untuk mewujudkan keterangkuman semua kumpulan etnik di negara ini," katanya ketika ditemui.

Ditanya di mana letaknya komuniti usahawan dan perniagaan Melayu ini apabila program Kuala Lumpur Raya dilaksanakan, Zahid berkata: "Kita tahu di bawah UDA, ia tidak ditempatkan di sesuatu tempat saja."

Beliau berkata, oleh kerana pemilikan ekuiti dalam hartanah diinstitusikan maka kita tahu bahawa pemilikan hartanah Melayu ini di bawah agensi amanah Bumiputera kerana penyertaan individu itu amat kecil.

Justeru, usaha yang dilakukan kerajaan ini memperlihatkan kesungguhan untuk memberi ruang kepada kumpulan yang ber-

“ Jadi jelas seperti yang diumumkan oleh Presiden UMNO itu ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO lalu, dan juga dalam banyak kenyataan yang dibuat, hatta dalam perasmian majlis MCA di mana beliau menyatakan dengan jelas bahawa negara yang tidak memberi tempat yang sesuai dari segi penguasaan ekonomi kepada golongan majoriti akan mewujudkan suasana yang tidak stabil dalam negara itu”

“ Jadi dengan adanya jawatankuasa ini dan adanya urus setia yang



membantu membangunkan ekonomi Bumiputera.

MTAB akan menampilkan satu pelan besar agenda Bumiputera mungkin awal tahun depan ini.

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata dari segi elemen keMelayuan dalam Kuala Lumpur Raya, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sudah mengambil kira unsur kemelayuan itu termasuk menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru kerana tanah itu adalah tanah simpanan Melayu, maka tentu unsur kemelayuan menjadi elemen utama dalam menentukan komponen kemelayuan dalam pembangunan Kuala Lumpur Raya.

Beliau berkata, dengan memajukan Kampung Baru maka elemen ini bukan satu segementasi bahawa ada Chinatown dan Little

lain, pendapatan yang tidak hanya berdasarkan kepada kumpulan etnik untuk diberikan peluang supaya akhirnya kumpulan kelas menengah pelbagai kaum ini dapat diwujudkan bagi memperkuatkan kuasa beli bagi menambahkan kekuatan ekonomi negara kita.

“Apabila kumpulan menengah ini menjadi kumpulan masyarakat yang besar maka kecairan wang akan berada dalam pasaran dan ini akan menyebabkan semua sektor perniagaan akan memperoleh faedahnya secara langsung dan secara tidak langsung,” katanya.

Pada masa sama, 10 pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terbabit dengan Kuala Lumpur Raya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Daerah Sepang juga perlu membentangkan pelan sosioekonomi Bumiputera dalam perancangan pembangunan masing-masing dan dipantau oleh MTAB.

Ruang dan peluang menjalankan kegiatan ekonomi yang menjadi tonggak survival, perlu disediakan kepada orang Melayu. PBT adalah antara yang mampu meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam Kuala Lumpur Raya ini.

Selain itu soal ekonomi, kemampuan Melayu memiliki rumah kediaman dan premis perniagaan juga perlu diberi keutamaan memandangkan persaingan memiliki hartanah semakin sengit dan orang Melayu boleh kecundang di situ.

Seperkara lagi yang perlu diabaikan, kita tidak mahu status sosioekonomi yang rendah mendorong semakin ramai orang Melayu menjadi pekerja seks, dilanda gejala sosial atau menjadi warga kaki lima.

dibentuk maka urus setia itu pun mempunyai peranan besar yang boleh melakukan kegiatan susulan seperti mewujudkan makmal jika perlu dan sebagainya bagaimana untuk memajukan Bumiputera”

Awang Adek Hussin
Pengerusi Biro Ekonomi UMNO

“Apabila kumpulan menengah ini menjadi kumpulan masyarakat yang besar maka kecairan wang akan berada dalam pasaran dan ini akan menyebabkan semua sektor perniagaan akan memperoleh faedahnya secara langsung dan secara tidak langsung”

Ahmad Zahid Hamidi
Naib Presiden UMNO